

## WHAT ARE

### Assessment Rates?

Assessment rates are local taxes imposed for ownership and occupation of rateable holding situated within Council's area of jurisdiction.

## WHO ARE

### The Ratepayers?

Occupiers/owners of rateable holdings. If you own a house, a shop, a hotel, a service station or any other rateable holdings (even vacant land) you are liable to pay assessment rates. If you are occupying building on any land which is not held under a separate document of title or on land reserved for a public purpose you shall also be liable to pay rates.

## WHY PAY

### Assessment Rates?

Rates are essential to produce revenue to finance the expenditure of the Council in providing public services and public facilities for the benefit of the community in the Council's area.

## WHAT

### Is Meant By Annual Rateable Value (ARV)?

The Annual Rateable Value means the estimated gross annual rent at which the holding might reasonably be expected to let from year to year, the landlord paying the expenses of repair, insurance, maintenance or upkeep and all rates and taxes. (Section 2 of the Local Authorities Ordinance, 1996). The annual rate payable is calculated by multiplying a rate percentage against the ARV. The gazetted rate percentage is fixed by the government.

Eg.

ARV of a Semi-Detached House	=	RM1,700.00
Rate percentage	=	26.5%
Annual Rate Payable	=	$RM1,700.00 \times \frac{26.5}{100}$
	=	RM450.50

## WHEN ARE

### Rates Payable?

On the Assessment bill is printed the "due date for payment". You are to pay before this date. If you have not received the bill you are to request for a copy bill at our counter or at UTC, Aras 1, Jalan Bukit Mata, Kuching.

### Due Dates For Payment of assessment Rates

\* 31<sup>st</sup> May (1<sup>st</sup> Half Bill January – June)  
\* 31<sup>st</sup> October (2<sup>nd</sup> Half Bill July – December)

## WHERE CAN I PAY

### The Assessment Rates?

- Dewan Bandaraya Kuching Selatan (payment through credit card can be made at this Counter)
  - Syarikat Sesco Berhad
  - Lembaga Air Kuching
  - Dewan Bandaraya Kuching Utara
  - Majlis Pebandaran Padawan
  - Pejabat Pos/Pos Mini
  - Bank Simpanan Nasional
  - UTC, Aras 1, Jalan Bukit Mata, Kuching
  - [www.paybillsmalaysia.com/internet](http://www.paybillsmalaysia.com/internet) banking/JomPay
- Payment can be by cash, cheque, money order or postal order. All remittance should be made payable to Majlis Bandaraya Kuching Selatan.

## WHAT ARE

### My Responsibilities As A Ratepayer?

- To pay rates on time.
- To notify the Council of any change in correspondence address.
- To supply P. O. Box No. if available.
- To notify the Council in writing or on Form F obtainable from Council' office of change of ownership. To extend a copy of the Memorandum of Transfer or up to date Extract of Title or Sale and Purchase Agreement.
- To check at Council's office and settle any outstanding rate before change of ownership takes place.
- To give full cooperation to Council staff when they inspect holdings for rating purposes.
- To notify the Council in writing if a building has been erected without building plan.
- To complete and return Forms sent by the Council.
- To check at the Council's office if the assessment bill is not received. **[No waiver of default fee (surcharge) is granted for non-receipt of assessment bill].**

## IF I REFUSE TO PAY

### What Action Can Council Take Against Me?

- Imposition of a default fee or surcharge of 1% per month or part thereof after the due dates for payment.
- Lodgement of caveat against your holding. This will restrain the registration of transfer or of other dealings affecting the holding.
- Institution of legal proceedings. All the legal costs shall borne by you.
- Attachment of your rateable holding or movable property.

## WHY

### Is My Assessment Rates Higher Than My Neighbour?

Assessment rates may differ depending on the:-

- Type of buildings
- Floor area
- Location
- Construction Material
- Usage

### AM I Entitled For Any Rebate In The Assessment Rates If My Building Is Vacant?

If your building is vacant, you must inform the Council. You will be entitled for the rebate if you fulfils the conditions under Regulation 5 and 6 of the Local Authorities (Rating) Regulations 1997.

If you need further clarification, pay us a visit at:

**One-Stop Service Counter  
Ground Floor**

or

**Rating & Valuation Division,  
2<sup>nd</sup> Floor, Dewan Bandaraya Kuching Selatan,  
Jalan Padungan, 93675 KUCHING.**

or

give us a call

Tel.: **082-242311/354200 ext. 551 / 552**

Or

**Urban Transformation Centre (UTC)  
Aras 1, Jalan Bukit Mata, Kuching  
(copy bill and payment)**

or

Send us a letter to:

**City Secretary,  
Majlis Bandaraya Kuching Selatan,  
Jalan Padungan,  
93675 KUCHING.**

# Cukai Pintu (Cukai Taksiran)

## Assessment Rates



**COUNCIL OF THE  
CITY OF KUCHING SOUTH**

## APAKAH Cukai Pintu?

Cukai pintu adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik dan penghuni pegangan berkadat yang terletak di dalam kawasan bidang kuasa sesebuah Majlis.

## SIAPAKAH Pembayar Cukai Pintu?

Jika anda mempunyai rumah, rumah kedai, hotel, stesen servis, tanah kosong atau pegangan berkadat yang lain yang terletak di dalam kawasan Majlis, anda akan dikenakan cukai pintu. Sebaliknya, jika anda menduduki bangunan atas tanah tanpa dokumen hakmilik berasingan atau tanah yang dirizabkan untuk sesuatu maksud awam, anda juga perlu membayar cukai pintu.

## KENAPA Dikehendaki Membayar Cukai Pintu?

Kutipan dari cukai pintu adalah perlu untuk menampung perbelanjaan Majlis dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan awam untuk kesejahteraan masyarakat seperti penyelenggaraan jalan, taman rekreasi, pemotongan rumput, lampu jalan dan tempat kemudahan awam.

## APAKAH Yang Dimaksudkan Dengan Nilai Tahunan?

Nilai tahunan (istilah yang terdapat dalam bil cukai pintu) bererti anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyelenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar dan cukai awam. Cukai tahunan yang anda bayar dikira dengan mengenakan peratusan ke atas Nilai Tahunan. Peratusan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan diwartakan.

Contoh:

Nilai Tahunan untuk rumah kembar dua tingkat ialah	=	RM1,700.00
Peratusan Kadar Tahunan yang telah diwartakan	=	26.5%
Cukai Tahunan	=	$RM1,700.00 \times \frac{26.5}{100}$
	=	RM450.50

## BILA Perlu Membayar Cukai Pintu?

Dalam bil cukai pintu, anda akan diberi tarikh genap pembayaran. Anda dikehendaki membayar sebelum tarikh tersebut. Jika anda tidak menerima bil cukai pintu, anda hendaklah datang ke Kaunter Majlis atau UTC, Aras 1 untuk memohon bil salinan.

### Tarikh Genap Pembayaran:

- \*31 Mei (Bil untuk tempoh Januari – Jun)**
- \*31 Oktober (Bil untuk tempoh Julai – Disember)**

## DI MANAKAH SAYA Boleh Membayar Cukai Pintu?

- Kaunter Dewan Bandaraya Kuching Selatan (bayaran menggunakan kad kredit diterima di kaunter ini)
  - Kaunter Syarikat SESCO Berhad
  - Kaunter Lembaga Air Kuching
  - Kaunter Dewan Bandaraya Kuching Utara
  - Kaunter Majlis Perbandaran padawan
  - Kaunter Pejabat Pos/Pos Mini
  - Kaunter Bank Simpanan Nasional
  - Kaunter UTC, Aras 1, Jalan Bukit Mata, Kuching
  - [www.paybillsmalaysia.com/internet banking/JomPay](http://www.paybillsmalaysia.com/internet banking/JomPay)
- Pembayaran boleh dibuat dengan wang tunai, cek, kiriman wang atau kiriman pos atas nama Majlis Bandaraya Kuching Selatan.

## APAKAH Tanggungjawab Saya Sebagai Seorang Pembayar Cukai Pintu?

Pembayar Cukai Pintu hendaklah:-

- Membayar cukai pintu sebelum tarikh genap pembayaran.

- Memberitahu Majlis jika terdapat pertukaran alamat surat-menyurat.
- Membekalkan alamat peti surat pos, jika ada.
- Memberitahu Majlis dengan surat-menyurat/email ataupun dalam borang F yang boleh didapati dari pejabat Majlis jika terdapat pertukaran hakmilik serta menyampaikan salinan memorandum pindah milik atau dokumen hakmilik terakhir atau perjanjian jual-beli.
- Memeriksa di pejabat Majlis dan menjelaskan sebarang cukai pintu kepada Majlis sebelum pertukaran hakmilik berlaku.
- Memberitahu Majlis jika bangunan diubahsuai atau dirobohkan.
- Memberitahu Majlis jika ingin memohon pengurangan cukai pintu atas sebab bangunan anda tidak diduduki dan tidak dapat disewakan.
- Memberi kerjasama kepada kakitangan-kakitangan Majlis apabila pegangan diperiksa untuk tujuan cukai pintu.
- Memberitahu Majlis jika telah mendirikan bangunan tanpa pelan bangunan (Bangunan haram).
- Melengkap dan mengembalikan borang-borang yang dihantar oleh Majlis.
- Menyemak di pejabat Majlis jika anda tidak menerima bil cukai pintu. **(Tiada pengecualian denda diberi atas alasan tidak menerima bil cukai pintu).**

## JIKA SAYA ENGGAN Membayar Cukai Pintu, Apakah Tindakan Yang Majlis Boleh Ambil Terhadap Saya?

- Anda akan "didenda" sebanyak 1% sebulan atau sebahagiannya selepas tarikh genap pembayaran.
- "Pegangan" anda akan "dikaveat". Ini akan menyekat pendaftaran pemindahan hakmilik atau urusan lain yang berkaitan dengan pegangan anda.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda. Segala kos guaman akan ditanggung oleh anda.
- Majlis boleh bertindak dengan menahan dan menjual pegangan ataupun harta alih anda.

## MENGAPA CUKAI Pintu Saya Berbeza Dari Jiran Saya?

Perbezaan nilai cukai pintu adalah disebabkan oleh:-

- Jenis bangunan
- Keluasan lantai
- Lokasi
- Bahan-bahan pembinaan
- Penggunaan

## APAKAH Saya Layak Untuk Menerima Rebat Jika Bangunan Saya Tidak Didiami?

Anda hendaklah memberi notis kepada pihak Majlis jika bangunan anda kosong dan tidak didiami. Anda akan layak untuk diberi rebat jika segala syarat dalam Peraturan 5 dan 6 yang terkandung dalam Peraturan (Kadaran) Pihak Berkuasa Tempatan 1997 dipenuhi.

Jika anda memerlukan penjelasan lanjut, sila datang ke;

### Kaunter Perkhidmatan Setempat Tingkat Bawah atau

**Bahagian Pencukaian dan Penilaian,  
Tingkat 2, Dewan Bandaraya Kuching Selatan,  
Jalan Padungan, 93675 KUCHING.**

atau

Hubungi Tel.: **082-242311 / 354200 Samb. 551 / 552**

atau

**Urban Transformation Centre (UTC)  
Aras 1, Jalan Bukit Mata, Kuching  
(bil salinan dan bayaran)**

atau

Menulis surat kepada:  
**Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Kuching Selatan,  
Jalan Padungan,  
93675 KUCHING.**